



BULETIN UNIT PENGAWASAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Bil 3/2017

JULAI – SEPTEMBER 2017

PENDIDIKAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan adalah berorientasikan strategi jangka panjang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan mengawal pencemaran dan pemuliharaan alam sekitar. Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran, kem kesedaran alam sekitar (KeKAS), bengkel alam sekitar, penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak iaitu risalah-risalah serta media elektronik. Perkhidmatan Pusat Sumber juga disediakan sebagai sumber rujukan orang awam.

(Sumber dari Laporan Tahunan)

Pencapaian bulan Julai – September adalah seperti berikut:-

Kategori	Julai	Ogos	Sept
PENDIDIKAN			
Ceramah	5	1	
Pameran	4	1	1
KeKAS			
Hari Ozon			1
Hari Bumi			
Hari Alam Sekitar Sedunia			
HASN			
Kolokium (dalaman Jabatan)		1	
Taklimat (melibatkan pihak luar)			
RAS			
Tabika			
SLASS			

Kategori	Julai	Ogos	Sept
Lawatan ke JAS			
Aktiviti Kesedaran lain (Anjuran agensi lain)			
Borang RAS (kemaskini dalam sistem)	925	44	35
PENGAWASAN			
Bunyi Bising Ambien			
Air Bawah Tanah			
Air Marin			

Berikut adalah aktiviti yang dijalankan dari Julai – Sept 2017 adalah seperti berikut:-

Aktiviti	Tarikh
Ceramah & Pameran Kesedaran Menjaga Alam Sekitar di SK Tabuan Ulu	12/7
Ceramah (2 sesi- pagi & petang) & Pameran (petang) Kesedaran Menjaga Alam Sekitar di SMK St Thomas	13/7
Ceramah Kawalan Alam Sekitar di Ladang Kelapa Sawit di MPOB, Bau	18/7
Pameran Sempena Program Ekofamili 2017 "Save the Earth" dan Sambutan Hari Bapa oleh Lembaga Penduduk & Pembunguan Keluarga Negara (LPPKN)	29/7
Ceramah dan Pameran Seminar "OSHE Management System Stakeholder Policies & Management System As Tool di Waterfront Hotel, Kuching	31/7
Kolokium CEMS	11/8
Pameran SEB Corporate HSE Week 2017 di Sesco Regional Office, Sungai Biawak	16/8

Aktiviti	Tarikh
Seminar KKS	16/8
Pameran HSE Week Campaign di Menara Sarawak Energy Bhd	5/9
Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon Sempena Hari Ozon Sedunia 2017	29-30/9

KEM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON

Kem Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon diadakan sempena Hari Ozon Sedunia 2017 yang disambut setiap tahun pada 16 September. Tema pada tahun ini adalah “*Caring For All Life Under The Sun*”.

Seramai 36 orang pelajar dan 4 orang guru pengiring dari SMK Batu Kawa telah menyertai Kem tersebut yang telah berlangsung pada 29-30 September 2017 di Matang Wildlife Centre, Kuching.

Majlis Perasmian disempurnakan oleh Encik Mohd Hidzir Bin Bakar, Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

Penganjuran kem ini bertujuan untuk memberi pendedahan khususnya kepada pelajar mengenai kepentingan memelihara lapisan ozon. Lapisan Ozon semulajadi memainkan fungsi penting sebagai lapisan perlindungan (protective shield) kepada segala bentuk kehidupan di bumi. Lapisan perlindungan ini perlu dikekalkan supaya kita tidak terdedah secara berlebihan kepada sinaran UV yang boleh menyebabkan penyakit-penyakit seperti barah kulit, barah mata, melemahkan sistem ketahanan badan di samping membawa kesan negatif kepada rantai makanan.

Malangnya lapisan ini semakin terancam disebabkan oleh penggunaan beberapa jenis bahan kimia yang dikenali umum sebagai bahan pemusnah ozon atau ozone depleting substances (ODS), antaranya kloro-fluoro-karbon (atau CFC), Hydro-kloro-fluoro-karbon (atau HCFC), Halon, Metil Kloroform dan

Karbon Tetraklorida. Bahan-bahan kimia atau ODS tersebut menyebabkan penipisan lapisan ozon apabila ia dilepaskan ke atmosfera berikutan penggunaan kelengkapan dan peralatan seperti peti sejuk, pendinginan hawa, penyembur rambut dan sebagainya.

GAMBAR KEM PERLINDUNGAN LAPISAN OZON 2017



GAMBAR KEM PERLINDUNGAN LAPISAN OZON 2017

